

19 OCT 2001

BELANJAWAN-SIDANG MEDIA

KEBANYAKAN PERTUMBUHAN 2002 DARI RANGSANGAN DALAM NEGARA, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan berharap untuk melihat rangsangan-rangsangan dalam negara seperti peningkatan kuasa membeli menyumbang ke arah sebahagian besar iaitu empat atau lima peratus daripada pertumbuhan ekonomi yang diunjurkan bagi tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Bercakap kepada pemberita selepas membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, di sini, beliau berkata, "Penekanan utama kita ialah sumbangan ekonomi dalam negara ke arah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan bukan sumbangan dari sumber-sumber luar negara. Kita rasa kita boleh melakukannya terutamanya kerana sekarang kita memperuntukkan lebih wang dalam edaran."

Bagi belanjawan tahun depan, cukai pendapatan dikurangkan sebanyak satu peratus kepada 28 peratus, breket pendapatan bercukai akan dinaikkan dan kakitangan awam akan menerima kenaikan gaji sebanyak 10 peratus serta bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata sejauh mungkin, kerajaan mahu pertumbuhan ekonomi bagi tahun depan dilindungi daripada faktor-faktor yang menjejaskan dari luar negara.

Menyentuh tentang ketiadaan pengurangan cukai korporat, Perdana Menteri berkata, "Kita telah menyurangkan cukai korporat daripada 45 peratus kepada 28 peratus dan kita tidak ada cukai ke atas dividen seperti yang dikenakan oleh negara-negara lain. Selain itu, kita ada faedah-faedah istimewa lain, yang akan memberi manfaat kepada sektor korporat."

Ditanya kenapa tiada perbelanjaan baru kerajaan (bagi projek prasarana) diumumkan dalam belanjawan, beliau berkata, keupayaan kerajaan berbelanja ada hadnya.

Katanya, kerajaan tidak boleh "berbelanja terlalu banyak" agar tidak membebankan kedudukan kewangannya.

Walaupun tiada projek besar diumumkan, Dr Mahathir berkata projek-projek kecil ada dimasukkan ke dalam belanjawan ini.

Dr Mahathir juga ditanya sama ada banyak lagi pakej rangsangan ekonomi akan diperkenalkan di masa akan datang selepas pakej RM3 bilion yang diumumkan pada bulan Mac dan satu lagi berjumlah RM4.3 bilion pada bulan September.

"Belanjawan dibentangkan setiap tahun tetapi tidak ada sebab kenapa dalam setahun itu kita tidak boleh tambah atau tolak atau buat apa-apa. Jika kita dapati ada apa-apa yang perlu dilakukan, kita akan melakukannya," jawab beliau.

Mengenai sama ada banyak lagi langkah ekonomi akan diambil jika keadaan ekonomi menjadi bertambah buruk, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji apa yang boleh dilakukannya jika itu berlaku.

Menjawab satu soalan, katanya belanjawan tahun depan akan dibiayai melalui sumber-sumber dalam negara kerana terdapat dana yang mencukupi dalam negara, termasuk kira-kira RM80 bilion dalam sistem perbankan.

"Tak perlu pinjaman dari (sumber) luar," jelas beliau.

Sejumlah RM100.52 bilion akan diperuntukkan bagi Belanjawan 2002. Ini merupakan pertambahan sebanyak 10.4 peratus berbanding peruntukan bagi Belanjawan 2001.

Menjawab satu soalan lain, beliau berkata kerajaan akan mengumpul wang daripada bon-bon kedaulatan jika timbul keperluan berbuat demikian.

"Buat masa ini, tidak. Tahun depan kita tengok apa yang perlu dibuat."

Ini bergantung kepada pungutan cukai," katanya.

Ditanya sama ada tahap kadar faedah semasa akan dikurangkan selanjutnya, Dr Mahathir berkata pada kadar di antara enam dan tujuh peratus, kadar ini sudah cukup rendah.

Kadar-kadar semasa cukup menarik bagi perniagaan dan cukup menggalakkan bagi orang menabung, katanya.

Ditanya bilakah beliau akan melantik menteri kewangan baru, beliau berkata perkara itu belum difikirannya. -- BERNAMA

MAD SHY KY OS